

## Pensyarah Kolej Risda anjur kursus pengajaran berkesan Oleh Hariyati Ariffin

2011/01/19

PENDIDIK perlu bersedia berhadapan golongan sasaran iaitu pelajar yang semakin bermaklumat bagi membolehkan mereka lebih yakin ketika mengajar.

Ledakan maklumat hasil perkembangan teknologi komunikasi memberi peluang pendidik memperoleh ilmu dan pengetahuan tambahan berdasarkan sesuatu topik yang akan disampaikan pada hari berikutnya.

Berhadapan senario semasa, pihak pengurusan Kolej Risda di Alor Gajah, Melaka, baru-baru ini menganjurkan kursus pendidikan berkesan kepada 70 pensyarahnya.

Seminar dua hari itu dikendalikan pensyarah dan fasilitator yang dijemput khas dari Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Multimedia.

Pengarah program, Rahimah Mohd Yunus, berkata pada aktiviti itu, peserta dikehendaki menyediakan peralatan asas mengajar. Peralatan itu dijadikan modul dalam memperkembangkan proses pengajaran.

Selain mengamalkan etika, beliau berkata, pensyarah diberi pendedahan mengenai kaedah terbaik mewujudkan suasana pembelajaran secara kondusif selain mengamalkan sistem komunikasi dua hala antara pelajar dan pendidik.

“Seminar memberi pendekatan khusus kepada konsep pedagogi dan psikologi pendidikan dalam proses pembelajaran. Pelaksanaan ini bukan saja merapatkan hubungan antara pelajar dan pensyarah malah mengeratkan silaturahim,” katanya ketika ditemui pada program berkenaan di Melaka, baru-baru ini. Pensyarah Jabatan Pengajian Umum kolej berkenaan, Siti Noridah Abdul Aziz, berkata kursus dimanfaatkan warga pendidik supaya lebih bersedia dan bermaklumat sebagai persiapan memenuhi jawapan daripada soalan pelajar.

Proses pengajaran dan pembelajaran kini katanya, berbeza kerana pelajar bermaklumat sentiasa mengajukan pelbagai soalan, senario ini menjadikan tugas pendidik semakin mencabar.

Sementara itu, Pengarah Kolej Risda Kampus Melaka, Zulkifli Mohd berkata, seminar dan kursus pengajaran dapat meningkatkan produktiviti pensyarah dengan sentiasa menyalurkan ilmu dan maklumat baru untuk dikongsi.

Beliau berkata, selain menjadi contoh kepada pelajar, pensyarah juga berperanan sebagai rakan kerana pelajar yang juga remaja memerlukan bimbingan berterusan terutama selepas meninggalkan bilik kuliah.

---

Katanya, pendidik yang berdaya saing sentiasa memahami keperluan pelajarannya. Mereka bukan sekadar mengajar tetapi membimbing pelajar menjadi insan sempurna iaitu cemerlang akademik dan pembangunan sahsiah.